

NEWSPAPER CLIPPING  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

BERITA HARIAN

DATE: 30/8/2010

BH PILIH 8A 30 (emel)

B4-30/08/2010

## Dr M sedia jadi orang tengah

**S**ITIAWAN: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, bersedia menjadi orang tengah dalam meredakan ketegangan politik dan menyatukan rakyat Palestin, jika dua pihak bertelagah di negara itu bersedia menerima beliau duduk bersama di meja rundingan.

Dr Mahathir berkata, ketika ini beliau tidak mampu berbuat apa-apa bagi menyelesaikan konflik di negara jajahan Israel itu selagi dua parti utama iaitu Fatah dan Hamas tidak menyatakan persetujuan menggunakan beliau sebagai orang tengah menyelesaikan perseteruan.

"Jika Fatah dan Hamas setuju (menjadikannya orang tengah), baru dia boleh jadi...kerana sekarang masalahnya bukan pertelagahan antara Israel dan Palestin," katanya selepas mengibarkan Jalur Gemilang di atas Kapal KM-1 milik Kencana HL Sdn Bhd di sini semalam.

Kelmarin, akhbar melaporkan Presiden Kelab Putera Malaysia, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim, menyampaikan pesanan wakil pemimpin Palestin yang meminta Dr Mahathir membantu mereka bersatu menghadapi konflik.